

01/11/2002

Sukan bola sepak tidak harus dibatasi semangat kenegerian

Jaujan Sambakong

KATA-KATA jurulatih Sabah, Justin Ganai, "kami berhak langkah ke final" dalam ruangan sukan Berita Harian 28 Oktober lalu, sebenarnya adalah suara hati rakyat Sabah keseluruhannya.

Ini kerana selepas kali terakhir layak ke final pada 1996, pasukan Sabah telah terpaksa merentasi jalan penuh berliku dan berjalan jatuh untuk menemui kekuatan yang dipamerkan pada perlawanan pusingan kedua separuh akhir Piala Malaysia di Ipoh, Sabtu lalu.

Kami rakyat Sabah menyambut kemenangan ini dengan penuh rasa kesyukuran, apatah lagi kelibat Zainizam Marjan yang sememangnya pantas menyambar peluang dan kekentalan benteng pertahanan diterajui Jelius Ating dan kubu akhir dijaga dengan rapi oleh Khairul Azman Mohamad.

Begitulah cintanya kami kepada bola sepak. Cinta kepada sukan nombor satu negara yang tidak pernah luntur walaupun sudah sekian lama nama-nama seperti James Wong, Hassan Sani atau Matlan Marjan tidak diganti oleh generasi baru menyarung jersi kebangsaan.

Apa yang cuba saya bangkitkan ini ialah bahawa negeri Sabah dan Sarawak juga berperanan melahirkan bakat-bakat baru dalam pelbagai bidang sukan di negara ini dan tidak terkecuali bola sepak - sukan nombor satu negara.

Kadangkala kami berasa kecil hati apabila jarang dalam pasukan kebangsaan, pemain Sabah atau Sarawak dapat menyinar walaupun hakikatnya ada beberapa kerat dipanggil menyertai latihan pusat dan tidak berapa lama selepas itu digugurkan atau sekadar memanas bangku pemain simpanan.

Inilah yang berlaku kepada Zainizam ketika Malaysia menentang Brazil sebelum Juara Piala Dunia itu berangkat ke Korea-Jepun, Jun lalu.

Saya tidak juga mahu menuding jari kepada sesiapa tetapi sukan tidak harus dipolitikkan dan sukan juga tidak harus dibatasi oleh semangat kenegerian yang menebal. Jika kita gagal merobohkan benteng prejudis sebegini, maka sukan bola sepak tidak akan menempa kemajuan sampai bila-bila pun.

Yang menghairankan saya, kenapa nama seperti Khairuddin Omar, Norhafiz Zamani Misbah dan nama-nama lain yang walaupun cedera atau mewakili pasukan tercorot dalam Perdana Satu, masih lagi dipanggil dan diberi peluang menyarung jersi kebangsaan.

Apa yang saya maksudkan ialah pemilihan pemain biarlah dibuat berdasarkan merit dan pemain yang benar-benar berbakat dipanggil dan dinilai dan bukan pemain yang bermodalkan prestasi lampau. Apabila pemilihan dibuat secara lebih telus dan adil, maka prestasi semasa pasukan akan lebih mantap.

Saya seperti juga anak Sabah yang lain percaya kelemahan sistem pemilihan pemain ini banyak mempengaruhi prestasi pasukan kebangsaan yang semakin layu di arena antarabangsa.

Kita harus sedar matlamat kita adalah sama saja, iaitu untuk mengembalikan era kegemilangan bola sepak negara. Kita mahu Malaysia kembali disegani dan digeruni pasukan rantau Asia Tenggara dan Asia seperti pada satu ketika dahulu. Oleh itu, kita haruslah sama-sama membuka minda dan berganding bahu memulihkan imej bola sepak negara.

Sikap pemilihan tanpa merit ini ditambah lagi dengan sikap tidak profesional segelintir pengulas sukan dan wartawan sukan di negara ini yang seolah-olah tidak menyukai pasukan Sabah melangkah kaki ke final Piala Malaysia 2002.

Kata-kata pengulas pada perlawanan separuh akhir kedua di Ipoh malam

Sabtu lalu, banyak menyinggung perasaan dan menghiris hati kami di negeri Sabah, seolah-olah sukan bola sepak ini milik peribadi beberapa negeri saja yang mengangkat diri mereka sebagai pasukan elit.

Harus diingat, pasukan Sabah juga dibarisi pemain negeri lain yang mencari nafkah menerusi bakat semula jadi mereka dengan bermain bermati-matian untuk membalas jasa majikan mereka.

Janganlah dibunuh semangat menebal mereka untuk menang dan ditutup bakat kami dengan persoalan nasib dan sebagainya, semata-mata kerana kecewa pasukan pilihan masing-masing tewas.

Sukan bola sepak adalah satu sukan unik yang mampu membawa dua negara menjadi tuan rumah Piala Dunia seperti berlaku di Jepun dan Korea. Ia juga mampu mengikat teras jati diri kita untuk meneruskan jambatan integrasi nasional seperti yang berlaku dengan kami di Kepulauan Borneo dengan Semenanjung Malaysia.

Maka dengan itu, janganlah kerana politik dan semangat kenegerian, sukan digunakan untuk kepentingan diri atau batu loncatan untuk mengaut keuntungan semata-mata.

Justeru, sempena teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika pembentangan Bajet 2003 pada 20 September lalu, FAM selaku badan induk bola sepak negara haruslah lebih peka dengan perkembangan sukan ini agar ia tidak dibunuh dengan politik pihak tertentu.

RTM juga harus lebih peka dalam memilih pengulas sukan atau syarikat yang mempunyai hak penyiaran sukan di negara ini agar ia tidak dijadikan sandaran atau pasport kepada mana-mana pihak untuk mengambil kesempatan.

Kami rakyat Sabah juga cintakan bola sepak dan kami juga cintakan negara ini dan insya-Allah semangat patriotisme kami juga tidak kurang tebalnya daripada rakan di Selangor, Kedah atau Perak.

Ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa "memang kami berhak langkah ke final".

JAUJAN SAMBAKONG
Semporna, Sabah.